

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, November 12, 2018 11:48 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bukan Gunung Yang Kita Tawan – Disiplin Teras Kejayaan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2018 / 04 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

BUKAN GUNUNG YANG KITA TAWAN – DISIPLIN TERAS KEJAYAAN



UUM ONLINE: *It is not the mountain we conquer but ourselves*

Berbekalkan semangat yang disuntik pendaki Gunung Everest, Edmund Hillary memberi inspirasi kepada Lee Pei Teng melakar sejarah indah apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja, sesi pertama sempena Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM.

Graduan Sarjana Muda Perbankan yang berusia 24 tahun itu menamatkan pengajian di Universiti Utara Malaysia dengan keputusan cemerlang CGPA 3.96.

Pei Teng komited mendalami ilmu dalam bidang perbankan dan kewangan kerana menyulam impian untuk bekerja di bank dan menerima Sijil Anugerah Dekan setiap semester atas dedikasinya.

“Saya bersyukur dan bangga kerana dapat menamatkan pengajian serta berkongsi kegembiraan dengan ibu bapa tersayang selain merakamkan penghargaan yang tidak

terhingga kepada pensyarah dan guru yang mencurahkan ilmu dan sudi membantu apabila saya menghadapi masalah dalam pelajaran.

“UUM banyak meninggalkan kenangan manis di sinilah saya bertemu kawan-kawan yang baik, sering berkongsi perasaan, susah senang dan belajar bersama dan dengan dorongan anda semua tercapailah kejayaan saya pada hari ini,” ujarnya.

Pei Teng yang sudahpun bekerja sebagai Eksekutif di Hong Leong Bank Berhad yang bertanggungjawab dalam pemprosesan dokumen *trade finance* menyifatkan tiada rahsia untuk berjaya dengan cemerlang.

“Saya dididik untuk mendisiplinkan diri sejak kecil, misalnya membuat jadual dan mengikut jadual kerja yang ditetapkan supaya dapat menyelesaikan semua kerja dalam masa yang ditentukan.

“Saya menumpukan perhatian semasa pensyarah mengajar, membuat nota dalam kelas dan nota tersebut banyak membantu semasa mengulangkaji pelajaran tersebut,” kongsiinya.

Akuinya, UUM memberikan platform terbaik dalam memajukan diri dengan mendalami ilmu pengetahuan, mengasah kepimpinan dan *softskill*.

“Sebagai seorang mahasiswa, pengurusan masa amat penting untuk mengekalkan keputusan cemerlang pada masa yang sama menyertai aktiviti yang mengasah daya kepimpinan dan *softskill*,” jelasnya.

Sepanjang pengajian di UUM, Pei Teng menjadi ahli Beta Gamma Sigma (BGS) UUM, bergiat aktif dalam program anjuran Persatuan Bahasa Inggeris dan dilantik sebagai Presiden Persatuan sesi 2015/2016.

Tambahnya, UUM telah mengajar erti kepimpinan terutamanya apabila menggalas jawatan Presiden Persatuan yang memberi peluang menjadi pengarah projek.

Malah Pei Teng menjadi Ex-officio dalam memberi pandangan dan memimpin pengarah-pengarah projek bagi menjayakan program seperti *Beauty of Peace 2016* serta *Treasure Hunt* selain menyertai AIESEC sebagai *Junior Executive*.

Anak kelahiran Klang, Selangor ini menyambung pelajaran di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Shahbandaraya selepas menamatkan pelajarannya di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) SMJK Kwang Hua.

Ayahnya, Lee Cheng Hua seorang Tuinalogi dan ibunya, Ng Siew Kian bertugas sebagai guru dan Pei Teng merupakan anak sulung daripada 4 adik beradik.

“Sememangnya hidup ini dipenuhi dengan cabaran oleh itu, jangan putus asa, sentiasa tabahkan hati dan mencari jalan penyelesaian dan belajar daripada kesilapan supaya dapat mencapai kemajuan dalam hidup,” pesannya tersenyum manis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.